

29/03/1998

PM puas hati sikap ahli Umno Kelantan

JELI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan perubahan sikap ahli Umno di Kelantan yang menerima nasihatnya berhubung larangan bertanding merebut jawatan ketua bahagian.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, berkata perkembangan itu adalah petanda baik bagi Umno dan mencerminkan kesediaan ahli menerima pelaksanaan demokrasi dalam erti kata sebenarnya.

Sehubungan itu, beliau meminta ahli mengekalkan amalan demokrasi dan memastikan tiada pihak mengambil kesempatan daripada kelemahan yang wujud dalam Umno.

"Kalau ingin bertanding, boleh tetapi menang kita terima, kalah pun kita terima dan bersalaman serta meneruskan perjuangan Umno selepas itu."

"Itu cara demokrasi (yang sebenarnya) tetapi ini apabila nak lawan, berkelahi sampai guna duit."

"Itulah yang kita lakukan dan apabila orang ambil kesempatan, kita jangan marah sebab jika berlaku kekecohan, memang dia akan ambil kesempatan sebab kita yang beri," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, berkata tindakan ahli parti yang menolak amalan politik wang dan membuat laporan mengenainya turut menggambarkan kematangan ahli.

Dr Mahathir bagaimanapun kesal kerana masih ada golongan di negara ini yang ingin mengekalkan tradisi bermusuhan tanpa menghiraukan alasan berbuat demikian, walaupun pelbagai penjelasan diberi untuk menghentikannya.

"Kalau kita bermusuh dan tidak mepedulikan sebab permusuhan itu, kita tidak akan boleh berbaik-baik lagi walau apa sekalipun yang dibuat."

"Inilah masalah yang kita hadapi apabila ada puak yang tidak mahu bersatu padu dengan majoriti umat Islam di negara ini, sebaliknya mahukan kumpulan besar ini menyertai yang kecil," katanya.

(END)